


- 1 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana
- A mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin melalui zakat
 - B menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada seperti modal dan buruh
 - C menggunakan wang bagi meningkatkan perbelanjaan masa depan untuk membeli barang kehendak
 - D menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum bagi memaksimumkan keuntungan
- 2 Apakah tujuan firma membuat pilihan apabila mengeluarkan sesuatu keluaran?
- A Memenuhi kehendak manusia
 - B Meminimumkan kos pengeluaran
 - C Mengurangkan masalah pembaziran
 - D Memaksimumkan kepuasan pengguna
- 3 Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat ABC.

Keluaran (unit)	Intensif Buruh	Intensif Modal
Barang X	100	60
Barang Y	60	100

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Y sekiranya teknik intensif modal digunakan?

- A 40 unit barang X
- B 60 unit barang X
- C 100 unit barang Y
- D 60 unit barang Y

- 4 Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi dua jenis barang.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul?

- I Masalah ketidakupayaan berlaku pada kombinasi R
 - II Titik kecekapan pengeluaran ditunjukkan oleh kombinasi S
 - III Masalah pilihan berlaku pada setiap titik di atas keluk MAQ
 - IV Kos lepas mengeluarkan 2 tan metrik makanan ialah 4 ribu helai pakaian
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 5 Pernyataan manakah berkaitan dengan konsep ekonomi Islam?
- A Kepentingan individu lebih diutamakan
 - B Wujud persaingan yang adil antara pengeluar
 - C Sasaran pengeluaran berdasarkan agihan pendapatan
 - D Individu dan pihak swasta bebas membuat keputusan ekonomi

6 Pilih pasangan yang betul

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
B	Bagaimana hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan
C	Berapa yang hendak dikeluarkan	Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum
D	Untuk siapa dikeluarkan	Dikeluarkan bergantung kepada harga relatif faktor pengeluaran

7 Mengapakah sistem ekonomi pasaran bebas lebih baik daripada sistem ekonomi perancangan pusat?


- A Sumber diagihkan secara adil
- B Keseimbangan agihan pendapatan
- C Pengeluaran barang berskala besar
- D Kecekapan dalam penggunaan sumber

8 Apakah yang dimaksudkan dengan keluk permintaan individu?

- A Hubungan antara pendapatan dengan kuantiti diminta
- B Hubungan antara harga barang dengan kuantiti ditawarkan
- C Hubungan antara harga barang dengan kuantiti diminta oleh seorang pengguna
- D Hubungan antara harga barang dengan kuantiti diminta oleh semua pengguna



- 9 Rajah 2 berikut menunjukkan perubahan kuantiti permintaan suatu barang.



Rajah 2

Antara berikut, maklumat manakah yang **betul**.

	Pergerakan titik	Keterangan
A	P ke Q	Kerajaan menambahkan bantuan tunai kepada golongan B40
B	P ke R	Cita rasa pengguna merosot ke atas barang itu.
C	S ke R	Pendapatan boleh guna pengguna meningkat
D	S ke Q	Jangkaan harga akan meningkat


- 10 Hukum penawaran menyatakan

- A Apabila harga tinggi, kuantiti yang diminta semakin menurun
- B Apabila harga turun, kuantiti yang diminta semakin meningkat
- C Apabila harga tinggi, kuantiti yang ditawarkan semakin menurun
- D Apabila harga turun, kuantiti yang ditawarkan semakin menurun

- 11 Keluk penawaran suatu barang beralih ke kanan disebabkan oleh

- A Peningkatan tingkat teknologi
- B Berlaku kenaikan harga bahan mentah
- C Harga dijangka naik pada masa hadapan
- D Matlamat pengeluaran untuk memaksimumkan untung

- 12 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran minyak sawit Malaysia.



Rajah 3

Antara yang berikut, situasi yang manakah betul?

- I Kebenaran masuk buruh asing diperketatkan
 - II Penebus gunaan kawasan penanaman sawit kepada kawasan perumahan
 - III Penggunaan dron dalam industri penanaman sawit
 - IV Kerajaan bersetuju meneruskan pemberian subsidi terhadap minyak kelapa sawit
- A I dan II
B I dan III
C II dan II
D III dan IV
- 13 Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi dua jenis barang


Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
P	10	5
Q	15	20

Jadual 1

Pernyataan yang manakah betul tentang maklumat dalam jadual tersebut?

- A Contoh barang Q ialah beras
- B Jenis keanjalan barang P ialah anjal
- C Penurunan harga barang Q akan meningkat hasil pengeluaran
- D Apabila harga barang P naik sebanyak 2% kuantiti diminta turun sebanyak 10%

- 14 Rajah 4 menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 4

Berapakah X jika nilai keanjalan harga penawaran ialah 2.

- A 30 unit
 - B 37 unit
 - C 41 unit
 - D 55 unit
- 15 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan keanjalan harga penawaran tak anjal.
- I Keluk penawaran adalah curam
 - II Pekali keanjalan kurang daripada satu
 - III Penjual responsif terhadap perubahan harga
 - IV Peratus perubahan kuantiti melebihi peratus perubahan harga
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV



- 16 Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- A Encik Gan membayar RM 5000 sebagai deposit untuk kereta baru
 - B Cik Selvi membayar setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
 - C Encik Azam mengunjungi lebih daripada 10 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
 - D Puan Maimoon membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok Intan Jewel Sdn Bhd.


- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

Setiap bulan Syarikat Reffa Berhad membayar gaji pekerja dengan memasukkan ke dalam akaun setiap pekerjanya.

Apakah kemudahan tersebut?

- A Overdraf
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 18 Antara yang berikut, manakah merujuk kepada fungsi bank pusat?
- A Menerima deposit daripada pelbagai lapisan masyarakat
 - B Menerima dan membuat bayaran kepada pelanggan
 - C Memberi pendahuluan sementara kepada kerajaan
 - D Memberi pinjaman kepada orang ramai
- 19 Jenis pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?
- A Juruteknik kilang
 - B Pekerja ladang getah
 - C Pengurus pengeluaran
 - D Pegawai syarikat pemasaran

- 20 Rajah 5 berkaitan dengan pendapatan individu.



Rajah 5

Apakah jenis pendapatan Y?

- A Untung
 - B Faedah
 - C Sewa
 - D Upah
- 21 Maklumat di bawah berkaitan sejenis kaedah pembayaran.



Gambar 1


Mengapakah kaedah pembayaran tersebut dipilih?

- I Harga lebih murah
- II Menikmati diskaun harga
- III Meringankan beban kewangan
- IV Menikmati barang walaupun harga penuh belum dijelaskan



- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Rajah di bawah menunjukkan sebahagian langkah penyediaan belanjawan peribadi



Apakah langkah R?

- A Menabung baki pendapatan boleh guna
 - B Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
 - C Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
 - D Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna
- 23 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- I Tidak dipengaruhi oleh saiz pendapatan
 - II Mempunyai pilihan barang yang pelbagai jenis
 - III Dimiliki untuk mengamalkan gaya hidup masa kini
 - IV Wujud campur tangan kerajaan dalam penentuan harga barang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 24 Kenal pasti maklumat yang betul berkaitan strategi simpanan dalam institusi berikut.

	Institusi	Keterangan
A	Unit Amanah	Melindungi daripada risiko tinggi dan membayar pulangan berbentuk dividen
B	Bank Simpanan Nasional	Menawarkan akaun semasa, akaun Tabungan, dan akaun simpanan tetap
C	Bank Perdagangan	Menawarkan sijil simpanan premium
D	Syarikat Koperasi	Perlu menjadi ahli dan dibayar dividen

- 25 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Puan Nora untuk satu tahun.

Butiran	RM
Gaji setahun	50000
Dividen ASB	1000
Pemberian anak	6000
Caruman Perkeso	500
Cukai pendapatan	3500
Zakat	1200

Berapakah pendapatan boleh guna Puan Nora, jika kadar caruman KWSP untuk pekerja ialah 11%

- A RM 46 300
- B RM 48 700
- C RM 44 500
- D RM 39 300

- 26 Gambar di bawah menunjukkan sejenis input yang digunakan dalam proses pengeluaran suatu barang



Gambar 2

- Pernyataan yang manakah betul berkaitan gambar di atas
- A Wujud pada tingkat pengeluaran sifar
 - B Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
 - C Pembayaran ke atas input merupakan kos berubah
 - D Kuantiti input berkadar tidak langsung dengan keluaran
- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi pengeluaran tudung oleh sebuah firma. Firma Deeja menggunakan 15 orang buruh untuk menghasilkan 6000 helai tudung. Apabila jumlah buruh ditambah menjadi 20 orang, jumlah keluaran tudung meningkat 45%. Berapakah keluaran marginal buruh tersebut?
- A 275.00 helai
 - B 322.92 helai
 - C 687.50 helai
 - D 540.00 helai

- 28 Antara berikut, yang manakah menerangkan tentang eksternaliti?
- I Kesan yang diterima oleh pihak ketiga
 - II Kos yang ditanggung oleh pengeluar
 - III Kos yang terlibat dalam penggunaan barangan
 - IV Kesan yang tidak dimasukkan dalam harga pasaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Apakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar agar tidak mengeksploitasi pengguna?
- A Melaksanakan dasar harga maksimum untuk menjamin kebajikan masyarakat
 - B Menyediakan barang awam yang tidak mampu disediakan oleh pengeluar
 - C Memberikan subsidi bagi menggalakkan penggunaan teknik yang lebih mesra alam
 - D Mewujudkan monopoli semulajadi bagi mengelakkan penguasaan pasaran oleh swasta
- 30 Pernyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia
--

Perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas ?

- A Sektor Keselamatan
- B Sektor Perkhidmatan Am
- C Sektor Perkhidmatan Ekonomi
- D Sektor Pentadbiran Sosial



31 Pernyataan yang manakah betul tentang dasar kewangan mengembang?

- A Dapat meningkatkan kuasa beli pengguna
- B Bertujuan mengurangkan permintaan agregat
- C Boleh dilakukan dengan menaikkan kadar cukai
- D Dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara

32 Apakah kesan penurunan kadar faedah kepada pengguna?

- A Kos pinjaman meningkat
- B Perbelanjaan pengguna dalam ekonomi meningkat
- C Pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman
- D Pengguna perlu menyediakan lebih wang semasa berbelanja

33 Pasangan manakah yang betul tentang kesan pelaburan langsung asing?

A	Negatif	Lebih banyak modal diperolehi di negara Malaysia
B	Positif	Firma asing mengeksploitasi sumber alam negara sepenuhnya
C	Positif	Firma asing berhak membawa pulang keuntungan ke negara asal
D	Negatif	Kesukaran firma tempatan untuk meneruskan operasi perniagaan

34 Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang yang diimport?

- A Tarif
- B Kuota
- C Embargo
- D Kawalan pertukaran asing

35 Situasi manakah yang direkod dalam Akaun Perkhidmatan?

- A Firma Bersatu Berhad mengeksport buah buahan segar ke Timur Tengah
- B Pelabur Malaysia meningkatkan pelaburan dalam sektor pembinaan di India
- C Pasukan bola sepak Terengganu menggunakan khidmat jurulatih dari England
- D Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kewangan kepada mangsa gempa bumi di Pakistan



Soalan 36 hingga **Soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Tujuan kerajaan membuat projek pembangunan adalah untuk memaksimumkan keuntungan.
II Contoh projek Pembangunan ialah pembinaan kuarters kakitangan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) Kangar.
- 37 I Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah songsang.
II Hubungan songsang ini digambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- 38 I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan jumlah output daripada sejumlah unit.
II Produktiviti dapat ditingkatkan melalui penggunaan pakar dari luar negara.
- 39 I Kaedah komunikasi baharu merupakan ciri globalisasi.
II Kemudahan infrastruktur yang baik menggalakkan proses globalisasi.
- 40 I Belanjawan defisit berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil kerajaan.
II Belanjawan defisit digunakan bagi mengawal inflasi.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

